

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: PPA UUM COB
Sent: Thursday, April 13, 2017 3:21 PM
To: UUMstudentgroup; UUM - All Staff
Cc: Dr. Hendrik bin Lamsali; Prof. Madya Dr. Siti Zubaidah bt. Othman; Wan Norazlinda binti Wanchik
Subject: MAJLIS WELCOMING & HOMECOMING PELAJAR MOBILITI UUM COB



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI

STUDENT DEVELOPMENT & ALUMNI OFFICE
COLLEGE OF BUSINESS

Universiti Utara Malaysia

Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

13 APRIL 2017 / 16 REJAB 1438H

=====

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum & salam sejahtera



UUM PPA COB – Usai sudah Majlis *Welcoming* dan *Homecoming* Pelajar Mobiliti UUM COB yang berlangsung pada 11 April 2017 bertempat di Dewan Seminar Pusat Islam, UUM.

Majlis ini diadakan bertujuan bagi meraikan kepulangan pelajar mobiliti *outbound* UUM COB yang telah berjaya menamatkan program mobiliti mereka didalam dan luar negara serta bagi menyambut kedatangan pelajar mobiliti *inbound* dari luar dan dalam negara yang telah memilih UUM sebagai universiti pilihan mereka bagi menjalani program mobiliti.

Majlis yang berlangsung selama dua jam ini berjaya mengumpulkan hampir 60 orang pelajar. Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Berusaha Dr Hendrik bin Lamsali, Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni, UUM COB dan disusuli dengan ucapan daripada Penolong Naib Canselor UUM COB, Yang Berusaha Profesor Dr.Yusnidah Ibrahim.

Dalam ucapan beliau, Yang Berusaha Profesor Dr.Yusnidah turut menyuarakan hasrat untuk melihat lebih banyak program berbentuk seperti ini yang disertai oleh pelajar UUM, kerana graduan yang mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang ditambah dengan penglibatan secara aktif dalam kokurikulum adalah antara graduan yang didambakan dalam pasaran pekerjaan.

Wakil pelajar mobiliti *inbound*, Laura Silvia Mueller dari Universiti Hamm – Lippstadt Applied Science, Jerman, turut berkongsi pengalaman yang berharga di UUM. Laura tidak dapat menyembunyikan rasa rinduan keluarga dan kampung halaman yang mana rata-rata pelajar mobiliti menghadapi situasi yang sama. Laura menyifatkan program 1 *buddies* untuk 1 pelajar mobiliti yang terdiri dalam kalangan pelajar Global Buddies Club (GBC) amat membantu beliau melalui kehidupan di UUM. Laura juga tidak melepaskan peluang untuk menyertai apa juga acara yang dianjurkan sekiranya bersesuaian. Pengalaman mengikuti program mobiliti seharusnya digunakan oleh setiap pelajar yang terpilih untuk menimba pengamalan.

Bagi Ahmad Ashraf Abdul Moes, wakil pelajar mobiliti *outbound* dalam ucapannya turut menzahirkan rasa bersyukur dan terima kasih atas peluang yang diberikan untuk merasai pengalaman belajar di luar negara. Ashraf yang mengikuti mobiliti ke SIAS International University, China menyifatkan pengamalan belajar di negara tersebut amat berharga. Ashraf menyatakan isu utama mereka adalah rinduan keluarga dan kampung halaman tetapi dengan kemudahan komunikasi sekarang, jarak bukan lagi menjadi isu utama.

Majlis tersebut turut diserikan dengan persembahan daripada pelajar dan upacara penyampaian sijil kepada pelajar mobiliti *outbound* dan *inbound*. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar pada jam 12.00 tengahari.

Turut hadir wakil-wakil daripada Pusat Pengajian dibawah Kolej Perniagaan.

Tamat

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
(04-928 6610
È 04-928 6606
Website: <http://uumpacob.uum.edu.my>
Facebook: www.facebook.com/PPACOB



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.